

16/05/1997

Rakyat miskin tidak diabaikan

Zainal A

BUTTERWORTH: Lawatan singkat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ke Pulau Pinang baru-baru ini meninggalkan kesan mendalam di hati rakyat negeri itu.

Dalam masa yang terbatas itu, beliau sempat menyampaikan mesej pentingnya untuk diambil iktibar dan bahan renungan oleh rakyat.

Nyata sekali beliau tetap mengutamakan hubungan baik dua hala di antara pemimpin dengan rakyat dalam amanatnya kepada rakyat negeri ini.

Meskipun kestabilan politik dan ekonomi negara terus mantap, Dr Mahathir tetap tidak mengabaikan perhatiannya terhadap kepentingan rakyat berpendapatan rendah agar mereka tidak tersisih daripada arus pembangunan.

Mungkin kerana itu, lebih 10,000 rakyat daripada pelbagai kaum sanggup menunggu beberapa jam di Padang Sekolah Menengah Agama Al-Irshad Pokok Sena baru-baru ini.

Kedatangan beliau diiringi persembahan puisi khas disampaikan oleh Prof Madya Ismail Abdullah dari Universiti Sains Malaysia.

"Rakyat di sini bersyukur dapat bertemu dan mendengar amanat Dr Mahathir," kata Pengerusi sambutan Datuk Mohd Shariff Omar yang juga Timbalan Ketua Menteri dalam ucapan aluannya.

Menurutnya, rakyat Pulau Pinang turut bangga dengan anugerah tertinggi yang diberikan oleh kerajaan Arab Saudi, India, Bahrain dan Kuwait kerana menghargai jasa dan sumbangan besar Dr Mahathir terhadap pembangunan Islam.

Kejayaan Dr Mahathir juga turut mengharumkan nama negara yang terus membangun.

Dr Mahathir dalam ucapannya menyebut perbualan beliau dengan seorang penduduk yang memberitahu bahawa dia (orang kampung) sudah menunggu selama 40 tahun untuk berjumpa dengan beliau (Dr Mahathir).

"Dia kata sudah menunggu saya 40 tahun tetapi saya menunggunya lebih 73 tahun (usia beliau)," kata Dr Mahathir yang disambut dengan gelak ketawa oleh hadirin.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim; Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Ibrahim Saad; dan Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Yahaya Abdul Hamid, turut menyertai majlis Pemimpin Bersama Rakyat itu.

Di samping sekali-kali berseloroh dalam ucapannya, Dr Mahathir juga menyentuh beberapa aspek termasuk perkembangan politik dalam dan luar negara.

Dr Mahathir berharap rakyat Malaysia bersyukur kerana dapat hidup dalam suasana aman damai tanpa rasa takut dan bimbang berbanding setengah negara lain.

Menurutnya, suasana kestabilan politik dalam negara membolehkan rakyat menjalankan pelbagai kegiatan bagi menambahkan pendapatan tanpa diganggu gugat oleh sesiapa.

Sebaliknya, bagi sesetengah negara luar rakyat menghadapi masalah ancaman peperangan yang banyak mengorbankan jiwa, termasuk rakyat di negara Islam.

"Pengalaman pahit yang dialami rakyat Bosnia (sama bangsa) yang terkorban kerana peperangan sesama sendiri adalah satu iktibar betapa buruknya kekejaman yang tidak mengenal batas perikemanusiaan.

"Kita sebaliknya walaupun berlainan agama dan bangsa, masing-masing dapat hidup dengan aman damai tidak ada siapa yang menimbulkan kacau

bilau," katanya.

Dr Mahathir gembira kerana dalam suasana kestabilan politik negara, ramai orang Melayu juga berjaya dalam bidang perniagaan dan perusahaan hasil usaha mereka yang gigih dan berterusan.

"Saya terkejut ada peniaga Bumiputera yang menghadiahkan 1,000 ekor lembu untuk disedekahkan kepada orang miskin pada musim Aidiladha," katanya.

Dr Koh dalam ucapannya sebelum itu menyatakan kegigihan Dr Mahathir dalam menjalankan tugasnya sangat luar biasa.

"Saya teringat dalam lawatan keluar negara Dr Mahathir tidak berasa penat berucap walaupun dalam bulan puasa. Saya sudah letih tetapi beliau tetap cergas walaupun sudah bertugas selama 40 jam," katanya.

(END)